

15 FEB 1996

## VIETNAM TELAH PUN DAPAT HASIL SAMPINGAN AWAL DARIPADA EPZ KINTA KELLAS

Fokus berita

Oleh: Abdul Rachman Nordin

HANOI, 15 Feb (Bernama) -- Nampaknya penantian hampir tiga tahun dan debaran menunggu bila projek AS\$30 juta (RM75 juta) membabitkan Kinta Kellas dari Malaysia akan bermula, telahpun berakhir.

Papan tanda pinggir jalan yang besar tidak jauh dari lapangan terbang antarabangsa ibu negara ini, yang menyatakan Noi Bai Development Corporation Ltd sedang menawarkan tanah perindustrian untuk pajakan sehingga tahun 2044, menjadi bukti.

Kini, di bawah pengawasan seorang jurutera tempatan Afrika Selatan, kerja-kerja yang pantas sedang berjalan untuk menyiapkan separuh pertama tapak 100 ha ke dalam zon pemprosesan eksport (EPZ) yang sebahagiannya selari dengan lapangan terbang itu.

Bulan depan, sungguhpun tidak disedari oleh ramai buruh Vietnam di sana, seorang pemimpin antarabangsa akan melakukan upacara memecah tanah rasmi EPZ itu yang sedang mereka kerjakan.

Sesungguhnya, dengan kurang daripada 30 hari lagi kepada upacara bersejarah itu, para diplomat yang kagum dan pegawai-pegawai syarikat tidak boleh lagi menyekat maklumat yang Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan acara itu.

Kementerian Luar Vietnam telah mengesahkan lawatan kerja berjadual Dr Mahathir ke sini awal Mac.

Apa yang menjadi sejarah ialah bahawa selepas pecah tanah, Noi Bai EPZ di daerah Soc Son, 45 km ke utara sini, akan menjadikan Malaysia sebagai satu-satunya negara diamanahkan dengan memajukan dua daripada enam EPZ yang ditetapkan di Vietnam.

Yang satu lagi, di wilayah tengah Quangnam-Danang, sedang dimajukan oleh sebuah konsortium, Malaysia South-South Corporation (Masscorp).

Syarikat itu adalah usaha sama antara Vista Spectrum dan HICC (Vietnam, Hanoi Industrial Construction Company).

Malahan sebelum 45 lot perindustrian yang ditawarkan di bawah fasa pertama itu siap bagi pendudukan dijadual dalam bulan November, lawatan ke tapak itu menunjukkan bahawa 700 isirumah petani Vietnam yang menuju ke EPZ itu telahpun menikmati hasil sampingan ekonomni daripada tempat itu.

Kinta Kellas, melalui Vista Spectrum membayar pampasan kira-kira AS\$2.2 juta (RM5.5 juta) kepada para petani itu iaitu setiap seorang menerima AS\$2,200 (RM5,500). Bernama diberitahu bahawa beberapa petani menerima sehingga AS\$10,000 (RM25,000).

Malahan menurut para pegawai Vietnam, menjelang minggu pertama pembayaran tunggakan itu sendiri, 40 daripada ketua isirumah yang terlibat telahpun bergaya dengan motosikal Honda Dream yang baru dibeli.

Setakat ini syarikat korporat itu, yang membelanjakan AS\$15 juta dalam fasa pertama, telah menerima lebih daripada 40 pertanyaan daripada bakal penyewa terdiri daripada pekilang antarabangsa.

Kerana EPZ itu bertujuan untuk industri termasuk yang tidak mencemarkan, ia menawarkan peluang kepada orang Vietnam untuk memperolehi kemahiran yang diperlukan bagi pengeluaran elektronik, pakaian, permata dan barangan kemas, alat farmasi dan barangan optik, kulit, barang-barang mainan, jam, kulit dan kasut.

Kinta Kellas masih belum hilang kejutan kerana lesennya untuk membina padang golf 100 ha, sejajar dengan EPZ itu, dimansuhkan oleh pihak berkuasa Vietnam tahun lepas.

Kejutan itu, yang datang hampir tiga tahun selepas kebenaran rasmi

diperolehi, memang tidak diduga dan memeranjatkan Kinta Kellas terutama sekali pengerusi Renong Overseas Corporation Tengku Ahmad Rithaudeen dan duta Malaysia ke Vietnam Cheah Sam Kip yang mengawasi projek itu selepas pelancarannya. Tengku Rithaudeen juga pengerusi Kinta Kellas Investment.

Lapan bulan telah berlalu dan AS\$3 juta (RM7.5 juta) dibelanjakan untuk memulakan kompleks peranginan itu.

Daripada tinjauan yang dibuat, Bernama mendapati bahawa tapak asal pusat peranginan dan padang golf yang terletak tiga kilometer ke selatan Noi Bai EPZ, adalah di dalam kompleks bunker tentera udara, landasan udara tentera dan hangar samaran bagi jet pejuang dan kelengkapan berkaitan.

Bernama mendapat tahu semasa pembersihan tapak itu, para pekerja mendapati lebih daripada 100 buah bom yang tidak diletupkan yang menjelaskan mengenai tapak EPZ itu pernah dibom hebat oleh pesawat pengebom Amerika Syarikat semasa perang Vietnam.

Sebuah syarikat dimiliki oleh tentera Vietnam, yang pakar di dalam membersihkan periuk api daripada tapak EPZ itu, juga mendapat faedah yang besar daripada Kinta Kellas dengan mengambil tugas membersihkan periuk api itu. -- BERNAMA

RN OS